




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **202 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **56,367 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan hari ini iaitu di daerah Sandakan. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 85 menjadikan jumlah kumulatif 54,865 orang. Seramai 886 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 286 orang di hospital dan 600 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 49 orang dan 18 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Nabawan bertukar dari zon kuning ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah enam (6) daerah
- Zon Jingga tiga (3) daerah
- Zon Kuning 14 daerah
- Zon Hijau empat (4) daerah

5 Terdapat empat (4) kluster baharu direkodkan hari ini.

- i **Kluster Biah Skim di Keningau** melibatkan Mukim Ansip. Kluster ini mencatatkan jumlah kumulatif 10 kes, setelah sembilan (9) kes positif dikesan hasil saringan kontak rapat pada hari ini. Kes indeks disahkan positif COVID-19 melalui saringan pra kemasukan wad bersalin di salah sebuah pusat perubatan di Keningau pada 13 April 2021. Berdasarkan penelitian, kes indeks dipercayai mendapat jangkitan ketika menghadiri majlis kenduri arwah saudara pada 29 Mac 2021 yang dihadiri ahli keluarga dan jiran di Kg Biah Skim. Saringan kontak rapat dan pengesanan punca kini masih aktif jalankan.
- ii **Kluster Lorong Megah Jaya di Sandakan** melibatkan rumah pekerja di Bandar Megah Jaya. Kluster ini dikesan pada 12 April 2021, apabila kes indeks yang bekerja di pusat kesihatan menjalani saringan bergejala dan disahkan positif COVID-19. Susulan kes itu, saringan terhadap 37 kontak rapat mendapati 17 kes positif, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 18 kes. Berdasarkan penelitian, penularan jangkitan dipercayai berlaku dalam kalangan rakan sekerja yang tinggal di rumah pekerja.
- iii **Kluster Jalan Labuk 3 di Sandakan** melibatkan sebuah sekolah menengah berasrama penuh. Pada hari ini merekodkan penambahan tujuh (7) kes menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 15 kes. Kes indeks merupakan seorang pelajar yang dikesan positif COVID-19 hasil saringan bergejala pada 07 April 2021. Saringan kontak rapat di asrama sekolah terbabit mendapati 10 pelajar positif melalui ujian RTK AG dan PCR, manakala empat (4) kes lagi positif dalam kalangan kontak serumah. Punca jangkitan dan saringan masih giat dijalankan.
- iv **Kluster Melangkap Tomis di Kota Belud** melibatkan Daerah Tuaran dan Daerah Kota Belud. Kluster yang dikesan pada 07 April 2021 ini menokok satu (1) kes baharu, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 10 kes. Kes indeks disahkan positif COVID-19 hasil saringan bergejala di sebuah pusat perubatan di Tuaran. Saringan kontak rapat mendapati sembilan (9) lagi kes positif iaitu enam (6) kes dari Kota Belud dan tiga (3) kes dari Tuaran. Berdasarkan penelitian, kes indeks dipercayai mendapat jangkitan silang dalam kalangan 178 tetamu yang menghadiri majlis pertunangan di Kg Melangkap Tomis pada 30 Mac 2021.

6 Daripada 202 kes positif COVID-19, sebanyak 79 kes (39.1%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 26 kes (12.9%) saringan bergejala, 89 kes (44%) dari kluster baharu dan sedia ada serta lapan (8) kes (4%) dari lain-lain kategori.

7 Jumlah kapasiti katil 3,769 unit

- Hospital 441 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,908 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.

Peratus penggunaan katil 23.51%.

B MENGAJI SEMULA AKTIVITI PERNIAGAAN PENJAJA

1 Seperti yang dimaklumkan sebelum ini, Kerajaan negeri telah memutuskan untuk TIDAK MEMBENARKAN aktiviti bazar Ramadhan di Sabah pada tahun ini. Ini adalah disebabkan kes COVID-19 di Sabah belum stabil dan berlaku kewujudan beberapa lagi kluster baharu.

2 Memandangkan terdapat keperluan MENDESAK untuk mengawal penularan COVID-19 di Sabah maka semua Pihak Berkuasa Tempatan DIKEHENDAKI mengkaji semula aktiviti pasar malam, pasar am, pasar mingguan, tamu, gerai-gerai dan lain-lain.

C PKPD DI KAMPUNG TANJUNG BATU KERAMAT, TAWAU

1 Sehingga 14 April 2021, KKM mengesahkan sebanyak 17 kes positif telah direkodkan hasil daripada 25 ujian saringan ke atas penduduk lokaliti tersebut.

2 KKM juga memaklumkan berlaku peningkatan kes di lokaliti itu dengan kadar kebolehhangkitan adalah tinggi serta masih terdapat empat (4) lagi sampel ujian sedang menunggu keputusan.

- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Tanjung Batu Keramat, Tawau berkuat kuasa 15 April sehingga 28 April 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD adalah untuk memudahkan KKM membuat pengesanan awal kes disyaki COVID-19 serta kontak rapat supaya dapat diasingkan secepat mungkin selain menyekat penularan jangkitan dari kawasan berisiko ke kawasan lain luar di lokaliti tersebut.

D PENAMATAN PKPD PERUMAHAN KILANG SUNGAI TENEGANG, KINABATANGAN

- 1 Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 60 ujian saringan dan daripada jumlah itu, secara kumulatif sebanyak tiga (3) kes positif COVID-19 direkodkan.
- 2 KKM juga memaklumkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif sudah dirawat serta kontak rapat telah diasingkan.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Perumahan Kilang Sungai Tenegang, Kinabatangan pada 16 April 2021 seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

E PELANJUTAN PKP DI DAERAH TAWAU

- 1 Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan masih terdapat peningkatan kes aktif COVID-19 iaitu daripada 124 kepada 729 kes dalam tempoh 14 hari.
- 2 KKM turut melaporkan banyak kes baru dikesan dan 11 lokaliti di dalam daerah Tawau kini sedang dilaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melanjutkan PKP di Daerah Tawau bermula 17 April sehingga 30 April 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

F PKP DAERAH SANDAKAN

- 1 Sehingga hari ini, sebanyak 46 kes baru telah direkodkan dan secara kumulatifnya sebanyak 6,806 keseluruhan kes dilaporkan di daerah itu.
- 2 KKM mengesahkan sebanyak 78 kes juga direkodkan dalam tempoh 14 hari dengan kadar kebolehsangkitan adalah tinggi di lokaliti ini.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan PKP di daerah Sandakan berkuat kuasa 17 April sehingga 30 April 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKP ini antara lain untuk memastikan kadar infeksi terkawal dan tidak menular dengan pantas ke kawasan lain dalam daerah mahupun ke daerah berlainan.

G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat ini, seramai **534** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **49,978** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin Pfizer BioNTech, seramai **42** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **41,829** orang.
- 3 Bilangan pendaftaran penerima vaksin hari ini sejumlah **4,964** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar setakat ini sebanyak **414,946** (mysejahtera 382,788 : laman web 31,922 : talian vaksinasi 236) bersamaan 14.1%.

H BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sejumlah **303,134** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

I LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 60 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 14,290 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 122 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 57 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dan kompaun dibuat.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 104 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 42 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, dua (2) tangkapan di bawah Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 384 lokasi melibatkan seramai 197 anggota APM.
- 4 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukrelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 61 anggota di 70 lokasi.
- 5 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di empat (4) premis, melibatkan tiga (3) buah daerah iaitu Kinabatangan, Tawau dan Sandakan.
- 6 Sejumlah 75 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 16 daerah pada hari ini.

7 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 333 hebahan di seluruh sabah.

J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **96.8%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	96%
2	Sipitang	98%
3	Kota Marudu	98%
4	Beluran	98%
5	Penampang	98%
6	Tenom	97%
7	Kunak	97%
8	Kinabatangan	97%
9	Ranau	97%
10	Kudat	97%
11	Kota Belud	97%
12	Kota Kinabalu	97%
13	Beaufort	97%
14	Papar	97%
15	Keningau	97%
16	Tuaran	96%
17	Lahad Datu	96%
18	Sandakan	96%
19	Tawau	96%

2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II

15 APRIL 2021